

19/04/1997

Aidiladha disambut secara sederhana

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Aidiladha dalam suasana sederhana, dengan tumpuan lebih kepada mengerjakan ibadat korban di masjid dan surau.

Suasana di ibu negara kelihatan agak lengang apabila warga kota mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung sejak awal petang semalam bagi merayakan Aidiladha bersama keluarga masing-masing.

Pagi ini, umat Islam di seluruh negara berkumpul di masjid untuk menunaikan solat sunat Aidiladha serta melawat saudara-mara.

Aidiladha kali ini disambut pada Jumaat dan dengan itu seluruh umat Islam kembali memenuhi masjid pada tengah hari untuk menunaikan solat Jumaat.

Beribu-ribu ekor lembu, kambing dan kerbau dikorbankan di masjid dan surau seluruh negara sempena Aidiladha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban.

Yang di-Pertuan Agung Tuanku Ja'afar bersama kira-kira 500 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Tuanku Munawir, Seri Menanti, Kuala Pilah.

Seri Paduka juga turut bertahlil di Makam Diraja berhampiran masjid yang mana ayahanda baginda disemadikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali merayakan Aidiladha di Kedah seperti tahun sebelumnya. Mereka kemudian mengadakan rumah terbuka di dewan Jitra, Alor Star.

Di PULAU PINANG, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunaikan solat sunat Aidiladha bersama-sama kira-kira 500 jemaah di Masjid Cherok To'kun, di Permatang Pauh.

Dalam khutbahnya selepas itu, Anwar berkata, umat Islam hendaklah mengamalkan semangat berkorban yang sebenar untuk membetulkan pelbagai kepincangan yang melanda masyarakat dan negara masa kini.

Sementara itu, di Masjid Negeri di sini, Yang Dipertua Negeri, Tun Hamdan Sheikh Tahir, bersolat sunat Aidiladha bersama-sama kira-kira 1,000 jemaah.

Di KUALA LUMPUR, beribu-ribu umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negara dan masjid utama lain di sekitar bandar raya.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin membaca khutbah di Masjid Negara.

Di KOTA BHARU, Sultan Kelantan dan Raja Perempuan menunaikan solat Aidiladha bersama hampir 3,000 rakyat di Masjid Muhammadi di sini dengan diiringi beberapa pemimpin tempatan dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Sultan dan Raja Perempuan kemudian menghadiri majlis penghadapan bersama rakyat di Istana Balai Besar dan melawat Makam Diraja di Langgar.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengerjakan sembahyang Aidiladha di Masjid Pulau Melaka berdekatan kediamannya dengan disertai kira-kira 1,500 umat Islam. Beliau akan mengadakan rumah terbuka dan majlis korban, esok.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 1,000 rakyat di Masjid Sultan Idris Shah 11, di sini.

Turut sama, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Habib Mansor dan orang kenamaan. Sultan Azlan Shah dan Ramli kemudian bermesra dengan rakyat sebelum berangkat pulang.

Sementara itu, sebanyak 10 ekor lembu dan seekor kambing dikorbankan di pekarangan Masjid Sultan Idris Shah 11 itu selepas solat sunat Aidiladha. Daging korban itu kemudian diagihkan kepada fakir miskin di sekitar Ipoh.

Di KOTA KINABALU, sambutan Aidiladha agak sederhana dengan berpuluh ekor lembu dan kambing dikorbankan di semua masjid sekitar ibu negeri untuk disedekahkan kepada fakir miskin.

Di Masjid Negeri, lebih 1,000 jemaah menyertai solat sunat Aidiladha yang bermula jam 8 pagi. Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai kini ada di Makkah menunaikan fardu haji.

Di KUCHING, Yang di Pertua Negeri, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor menunaikan sembahyang sunat Aidiladha, di Masjid Al Attqwa, di Miri.

Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam Sarawak, Datuk Abang Johari Tun Openg, menunaikan solat sunat itu bersama kira-kira 3,000 umat Islam di Masjid Jamek Negeri, Petra Jaya, di sini.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor berangkat menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama lebih 2,000 rakyat di Masjid Pasir Pelangi, di sini.

Turut mengiringi ialah Tengku Mahkota Johor dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Mohd Ali Hassan dan beberapa ahli Exco kerajaan negeri.

Di PERLIS, Aidiladha disambut sederhana tetapi meriah meskipun tiada pemimpin yang mengadakan rumah terbuka.

Selepas menunaikan solat Aidiladha di masjid dan surau, umat Islam mengambil kesempatan merapatkan hubungan kekeluargaan dan persaudaraan melalui tradisi kunjung-mengunjung.

Raja dan Raja Perempuan Perlis tidak dapat menyambut Aidiladha bersama rakyat hari ini kerana berada di luar Perlis, manakala Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim menunaikan ibadah haji.

Di PEKAN, Sultan Pahang berangkat menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Sultan Ahmad, Pekan.

Menteri Besar, Tan Sri Khalil Yaakob pula bersembahyang di Masjid Lepar Hilir Dua, Kuantan.

(END)